

Tuliskan jawapan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

tetapi	walaupun	semoga	atau	ketika
manakala	lalu	kerana	dan	sambil

1. Guru itu sering dipuji \_\_\_\_\_ rajin bekerja.
2. Shahrul bukan sahaja pemurah \_\_\_\_\_ baik hati.
3. Pencuri memasuki rumah itu \_\_\_\_\_ penghuninya sedang tidur nyenyak.
4. Qaedi akan menghadiri mesyuarat di Kuala Belait pada minggu hadapan \_\_\_\_\_ bulan hadapan?
5. Amin mengambil buku itu \_\_\_\_\_ menyerahkannya kepada cikgu.
6. Fatin berkata-kata \_\_\_\_\_ merenung wajah temannya.
7. Adam \_\_\_\_\_ Darwish sangat gembira kerana mereka mendapat keputusan yang cemerlang dalam Peperiksaan Akhir Tahun.
8. Sulaiman berdoa \_\_\_\_\_ keluarganya sentiasa sihat.
9. Pak Cik Munap menebas semak-samun \_\_\_\_\_ isterinya menyapu sampah.
10. Halim tetap dengan pendiriannya untuk berhijrah ke bandar \_\_\_\_\_ ditentang oleh ibunya.